



Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman

Mohd Kamil Ibrahim

[Download now](#)

[Read Online](#) 

Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman

Muhd Kamil Ibrahim

Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman Muhd Kamil Ibrahim

“Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang ingkar, sesungguhnya Allah maha kaya dan tidak berhajatkan sesuatu pun daripada sekalian makhluk.” (Surah Ali Imran, ayat 97)

Travelog Haji; Mengubah Sempadan Iman bukan semata-mata catatan pengembaraan insan yang menunaikan fardu haji yang merujuk kepada kisah tempat, budaya, pengangkutan, makanan, minuman dan tempat-tempat menarik dan bersejarah. Ia adalah kisah perjalanan roh insan yang melangkaui kehidupan rutin manusia.

Penulis melakarkan pelbagai persoalan asas dalam kehidupan seorang Muslim. Kepercayaan kepada penciptanya, tetapi terdesak dengan kejahilan diri yang sememangnya dimiliki oleh jutaan masyarakat Islam yang lain menyebabkan dia mencari jawapan kepada beberapa persoalan yang merunsingkan. Buku ini membawa pembaca mengenali diri sendiri dan bersedia melakukan perubahan besar dalam hidup mereka.

Buku ini sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat terutama mereka yang mencari-cari buku motivasi agama dan panduan ibadah yang ditulis secara santai dan bersahaja. Bagi mereka yang bakal dan berpengalaman menunaikan fardu haji mendapati buku ini mempunyai nilai yang hebat. Ia mempunyai kemampuan yang luar biasa.

Muhd Kamil Ibrahim adalah Profesor Perakaunan di Universiti Teknologi MARA. Beliau banyak menghasilkan karya seperti PhD: Kecil tapi Signifikan, Ibrahim Shah: Menyingkap Pengurusan Universiti, Motivasi Minda Pelajar, Pelajar Cemerlang dan Motivasi Remaja. Beliau juga menulis buku kepakaran bidang seperti Value Relevance of Accounting Numbers, Financial Reporting in Malaysia dan Corporate Social Responsibility in Malaysia. Lebih daripada 400 rencana juga diterbitkan dalam pelbagai media massa.

Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman Details

Date : Published 2007 by PTS Islamika

ISBN : 9831923553

Author : Muhd Kamil Ibrahim

Format : Paperback 278 pages

Genre : Religion, Islam, Travel, Travelogue, Nonfiction

 [Download Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman ...pdf](#)

 [Read Online Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman ...pdf](#)

Download and Read Free Online Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman Muhd Kamil Ibrahim

From Reader Review Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman for online ebook

Fariza Nurbaya says

Kali pertama membaca buku ini adalah pada tahun 2007 iaitu 2 tahun selepas menunaikan ibadat haji. Pembacaan pada waktu itu tidaklah memberi banyak kesan kepada perasaan saya. Bacaan kali kedua adalah pada bulan Julai 2012 iaitu selepas bersua muka dengan Prof Dr Kamil sendiri dan menyebabkan saya menyelongkar rak buku mencari buku ini. Bacaan kali kedua lebih menyentuh hati saya, dan pada bahagian-bahagian tertentu, saya sangat tersentuh. Bersambung..

Yana says

Review dipetik dari blog saya,
Ini linknya..

<http://wajahsejuta.blogspot.com/2012/...>

Sekarang dekat Kelantan ada Pesta Buku, walau tak sebesar Pesta Buku KL apatah lagi Kolkata Book Fair mahupun Frankfurt Book Fair idaman saya itu..tapi kalau pandai mencari..insyaAllah terjumpa jugak yang berkenan di minda dan di hati sanubari! Banyak buku saya beli,tapi yang satu ini memang lepas habis baca,saya tak sabar2 nak review,nak kongsi pengalaman saya baca buku ini, buku Travelog Haji:Mengubah Sempadan Iman,tulisan seorang professor perakaunan Uitm,hasil pengalaman beliau ke Tanah Suci bersama-sama dengan isteri dan 2 kakaknya. Dan saya rasa saya faham bagaimana betapa mendesaknya desakan hati dan nurani penulis buku tersebut untuk sama-sama mengongsikan rasa yang dirasainya sepanjang berada di sana,agar dapat yang lain berkongsi jua pengalaman kerohanian tersebut sehingga dapat membantu mereka(pembaca) mengecap nikmatnya sama walau duduknya mereka itu di Malaysia beribu batu jaraknya dari Tanah Suci.(saya sebenarnya pun terkadang andai ada pengalaman berharga selalu mahu berkongsi dengan rakan2 diblog,tapi tewas akhirnya dengan kemalasan diri!)

Banyak yang dikongsi penulis,bermula dengan keberanian beliau menceritakan kejahilan dirinya dalam beragama(saya kagum beliau tidak malu2 mengaku beliau seorang profesor,menggunakan nama sebenar,meletakkan tempat kerjanya!sesungguhnya beliau serahkan segala2nya kerna Allah!),yang saya rasa ada juga tempiasnya dengan saya dan ramai lagi insan lain diluar sana yang status agamanya Islam,tapi hanya buat sekadar yang boleh dalam kehendak agama sedangkan agama itu adalah kehidupan!

Yang paling terkesan,pengalaman betapa sukar dan susahnyanya untuk penulis beribadat di Haram, sedang disitulah tempat yang paling suci bagi kita penganut umat Islam,disitulah limpahan pahala berkali2 ganda berbanding dengan tempat lain,namun di situ jualah cabaran yang paling besar yang harus ditempuhi.Kepadatan manusia yang jutaan jumlahnya,ketidakselesaan sentiasa menghimpit,serangan batuk sesama jemaah,kekasaran jemaah lain dan pelbagai lagi dugaan yang harus dilalui sedangkan dalam diri ingin menumpukan sepenuhnya konsentrasi untuk beribadat terhadap Pencipta di bumi dimana Ibrahim as dan anakandanya Ismail as membina Kaabah,kiblat umat Islam seluruh dunia ini!

Namun begitu,penulis dengan tekad dan keazaman yang tinggi disamping memikul tanggungjawab menjaga 3 lagi insan lagi yang pergi ke sana bersamanya menempuh apa jua halangan agar peluang yang datang itu

tidak disia-siakan, kerana kita sebenarnya tidak tahu apakah yang akan berlaku pada kita pada masa akan datang. Hidup lagikah kita? Sihat lagikah kita untuk meneruskan impian beribadat di tempat suci ini pada tahun2 mendatang?

Berapa kali air mata saya mengalir, membaca dalam kesukaran penulis mengharungi jutaan manusia lain yang juga sama2 ingin merebut peluang keafdalan dalam beribadat (walau kadangkala ada yang lakunya tidak sesuai dengan ibadat yang mereka sedang lakukan itu), namun berkat daripada beberapa peristiwa yang menimpa dirinya disana, beliau begitu optimis, begitu rendah diri, begitu ikhlas membantu pula insan2 lain yang tidak dikenalnya, agar mereka juga turut sama dapat meminta kepada Pencipta dalam keadaan serta tempat yang begitu direbut oleh sesama jemaah haji yang lain. Antaranya tindakan penulis memanggil seorang jemaah lain yang sama sekali tidak dikenalnya, agar dapat berada disebelahnya (penulis kemudiannya mengecilkan sedikit kedudukan untuk bersolat, agar ruang baru dapat diberikan kepada yang lain untuk sama2 beribadat di kedudukan saf yang besar ganjaran pahalanya). Betapa luhurnya hati penulis, dalam keadaan sama2 terdesak untuk membuat amalan sebanyak mungkin, namun masih ada terselit ruang kecil untuk dirinya sama memberikan kesempatan buat yang lain jua.

Sesungguhnya, Tuhan maha mengetahui akan segala sesuatu yang hambanya kerjakan, perbuatan baik sememangnya dibalas baik, ada yang terpilih, disini jualah diberikan ganjarannya, disaat jemaah Malaysia yang lain disaran untuk melontar pada waktu yang tidak sibuk, namun, penulis dan ahli keluarganya mengambil keputusan untuk keluar pada waktu kemuncak kerna pada waktu Dhuhalah waktu yang paling afdal dalam melaksanakan ibadat ini. Berkat kesabaran, kecekalan serta percaya akan bantuan yang tidak berbelah bahagi dari Ilahi dalam melancarkan perjalanan suci ini, mereka semua akhirnya berjaya sampai ke tempat melontar pada waktu seperti yang didoakan oleh mereka, dan yang paling manis, kesemuanya berada dibarisan hadapan dengan selesa dan juga mudah. Sesungguhnya Dia lebih mengetahui...

Usai di Mekah, saat di Madinah, ibadah menjadi lebih tenang untuk dilakukan, manusia tidak lagi berebut-rebut sebagaimana di Haram. Namun begitu kerinduan penulis pada bumi Haram masih lagi berbekas. Bayangkan apa yang dilalui oleh Nabi SAW? Entah bagaimana perasaan baginda meninggalkan tempat yang begitu bermakna ini? Baginda dilahirkan, dibesarkan, berkahwin, menghadapi kematian insan2 tercinta di bumi tersebut, disitulah letaknya Kaabah tinggalan Ibrahim as, disitulah tersemainya kenangan pahit dan manis baginda, namun disitu jualah tentangan paling kuat dihadapi baginda dalam menyebarkan dakwah Islamiah. Tentangan pula jika datang dari orang luar mungkin tidak terasa mana, namun, tentangan paling kuat dihadapi baginda oleh bapa saudaranya sendiri, Abu Lahab bersama dengan regunya yang terkenal Abu Jahal! Seheinggalah perintah diterima, baginda akhirnya bersama2 dengan beberapa umat Islam Mekah berhijrah ke daerah baru, daerah asing yang baginda sendiri bersama2 dengan mereka yang bersama2 berhijrah dengannya tidak biasa akan persekitarannya. Tetapi, disitulah sejarah bermula, disitulah terpacaknya kerajaan Islam pertama di dunia! Ketenangan dan kedamaian jelas disitu, sehingga wafat baginda masih tetap disitu. Mungkin Madinah itu tenang, Madinah itu damai, Madinah itu peleraian, Madinah itu penutup dan juga pembuka kepada sesuatu yang baru, sesuatu yang lebih baik! W.A..

Tetapi, kerinduan baginda terhadap bumi Haram tidak pernah hilang, setelah sampai saatnya, hasil daripada perjanjian Hudaibiyah yang walau pada asalnya Ali RA mahupun Umar RA masing2 jelas tidak bersetuju dengan keputusan baginda bersetuju dengan syarat2 yang dikenakan oleh kafir Quraisy, namun, sesungguhnya Allah telah memberikan hikmah yang begitu besar dalam perjanjian itu (sungguh sebenarnya di dunia ini ada banyak perkara yang kadangkala sukar untuk kita fahami, sehingga sampailah saat itu, barulah kita akhirnya mengerti). Dimana, pihak penentang Islam akhirnya telah melanggar syarat yang mereka sendiri tetapkan, dan maralah baginda bersama2 dengan rombongannya, membuka Mekah yang baru, Mekah yang akhirnya menerima Islam, dan Bilal bin Rabah, melaungkan buat pertama kalinya laungan "Marilah menuju kejayaan" di bumi Haram itu.

Bumi Haram memang sarat dengan ujian, sarat dengan halangan dan cabaran, namun itulah sebenarnya pemangkin buat setiap insan menggelarkan diri mereka Muslim untuk menyahut cabaran itu, kerana, dihujungnya akan ada ganjaran yang tersedia dan penulis berjaya melakarkan segala yang tersirat ini dengan begitu baik, begitu bersahaja, sesuai dengan kehendak minda pembaca agar kita semua menetapkan keazaman yang tinggi untuk bersungguh dapat merebut peluang yang diberikan ini.

Untuk semua, andai ada kesempatan, carilah buku ini, ia sesungguhnya memberikan kita akan satu pandangan nbaru, pandangan yang lebih jelas dalam melakukan ibadat haji mahupun umrah melalui konteks yang lebih bermakna. Buat saya, keazaman saya tetapkan, langsaikan segala hutang yang ada, bersungguh mencari rezeki yang lebih agar dapat saya ke sana bersama ibu dan ayah juga mertua, InsyaAllah.

Nota kaki ;

Saat penulis menulis segala pengalaman kerohaniaannya sepanjang berada di Mekah dan juga Madinah, saat penulis redha dengan segala ketentuan, segala kepayahan, segala pertolongan yang diberikan tanpa mengharap balasan, sebenarnya sesuatu telah tertulis buat penulis. Tanggal Julai 2011 yang lalu, penulis dan keluarga dengan izin Allah berhijrah ke salah sebuah universiti di Madinah, meninggalkan Malaysia, berumah di sebuah rumah kecil di Jabal Uhud, (dan masih lagi menghulurkan bantuan buat mereka2, terutama sekali rakan senegara untuk sama-sama mengecapi kemanisan beribadat di tempat yang penuh barakah ini), penulis diberi agar dapat untuk sentiasa dekat dengan Raudah, sentiasa memohon keampunan atas segala dosa-dosanya, sesungguhnya segala yang dilalui itu adalah rahsia Dia...

Peesha Pishaposh says

I bought 2 copies and read. I purchased the 2nd copy because it quotes my comment and put it on the blurb. So excited! Read my review @ [http://apayangfishabaca.blogspot.com/...](http://apayangfishabaca.blogspot.com/)

AND

@ [http://apayangfishabaca.blogspot.com/...](http://apayangfishabaca.blogspot.com/)

Khairul Hezry says

Exactly what it says on the cover. It's the personal experience of the author in his travel to Makkah to perform the Hadj. I give it only two stars because I've read better Hadj travel books (like *The Hadj An American's Pilgrimage to Mecca*) but by itself *Travelog Haji* is not a bad read.

Mine is the abridged edition ('*Edisi Jimat*'). I don't know if the unabridged edition deserves a higher rating since I've never, and don't plan to, read it.

Cik Aini says

[Re-reading this again...:]

Dalam kesempatan masa yang sedikit semalam, saya sempat singgah di Pustaka Mukmin untuk membeli sedikit bahan bacaan. Kebetulan, tangan saya mencapai buku Travelog Haji tulisan Dr Muhd Kamil Ibrahim untuk cenderahati program yang akan dilaksanakan. Dalam keadaan yang hanya sebegitu, rupanya Allah berikan lagi saya keluasaan masa untuk membacanya dalam perjalanan pulang ke rumah.

Mula-mulanya saya menyelak bab pertama, sedikit demi sedikit, terasa hati sudah bertaut dengan isi kandungannya dan terus-terusan saya membacanya. Setiap bab, saya rasakan, sangat signifikan. Saya benar-benar terkesan dengan pengalaman penulis yang tidak segan silu memberitahu tentang kekurangannya sebelum naik haji. Bayangkan bagaimana, bila mana Allah campakkan hidayah supaya manusia benar-benar bertukar menjadi golongan yang lebih dekat dengannya, bagi saya penulis berjaya mengejar taraf menjadi hamba-Nya yang lebih baik.

Dengan penulisan yang bersahaja, Dr Muhd Kamil, tidak segan silu memberitahu dia buta Al-Qur'an. Maka apabila Allah berikan kemudahan, maka dia berusaha sedaya mungkin untuk belajar dan akhirnya berjaya khatam al-Qur'an di Mekah. Kesungguhan dia benar-benar membuatkan saya kagum. Saya seolah-olah baru dikejutkan daripada mimpi yang panjang. Rupanya haji itu bukan setakat pergi & balik haji sahaja, tetapi mempunyai makna yang lebih mendalam lagi.

Saya terekesima dengan kesungguhan penulis yang tidak putus-putus bangun malam untuk bertahajud, dan solat hajat selama kira-kira setahun semata-mata supaya diterima menjadi tetamu Allah. Dan kemudian, bersambung lagi kepada kesungguhan beliau mengerjakan ibadah di Tanah Haram.

Saya menitiskan air mata membaca buku ini, benar-benar saya merasakan betapa buku ini berjaya mengubah persepsi dan paradigma mengenai ibadah haji secara peribadi. Bersyukur saya berjumpa dengan buku ini, sebelum saya menunaikan haji. Sungguh-sungguh saya merasakan buku ini dapat menukar persepsi sesiapa sahaja yang membacanya!

Shahrulrock says

Secara berdikit, buku ini mengasuh jiwa saya. Saya mula berimpian mengembara ke bumi mulia ini, mengerjakan rukun ke lima.

Antara sedar dan tidak, jiwa saya di tarik-tarik agar segera ke sana, mencari redhaNya dalam perjalanan panjang yang kian pendek.

* Terima kasih untuk Muhd Kamil Ibrahim. Buku nipis ini cukup tebal dengan ilmunya.

CekMoNster says

Ironiknya, buku ini buku kedua daripada Muhd Kamil Ibrahim yang saya baca. Pertama kali adalah buku sekuel Travelog Haji. Tapi, tak ingat tajuk apa.

Buku ini pasal kembara haji seorang professor sekaligus perubahan diri kepada menjadi lebih baik. Menceritakan bagaimana saat-saat manis pengalamannya sepanjang menunaikan ibadat rukun Islam kelima itu.

Pendapat peribadi, permulaan yang biasa, namun apabila tiba di Mekah, hati turut terasa kehebatan pengalaman sang penulis. Saya baca buku ini dalam kelas, dan terdapat sebahagian pengalaman yang diceritakan mamapu menyentuh hati sendiri, Tapi segan bila mata jadi berair sebab mudah terharu. Pasal wali Allah di Mekah memang teori munasabah.

All in all, a good read. Bukan yang nak pergi buat haji sahaja yang patut baca, yang nak berubah pun perlu timba ilmu yang sama.

Caution: Beware of Teary Eyes. Nuff said~

Jaimejaimeeee says

Buku yang akan membawa kita menyusuri kisah benar hidayah mengetuk hati seorang hamba dan kekuatan hidayah yang Allah berikan yang boleh mengubah segala-galanya dalam kehidupan. Buku yang sangat baik untuk tujuan rujukan dan teladan kepada mereka yang merancang untuk ke Tanah Suci.

Asfarina says

He left his written words so that we might discover them at exactly the right time :)
very well-written book, sebuah travelog perkongsian ikhlas dari hati, selepas yakin dgn petunjuk Ilahi, demi memburu cinta hakiki, biar Mekah dan Madinah menjadi saksi.

Cik Pah says

"Ya Allah, tunaikanlah permohonan hambamu ini. Aku teringin menunaikan fardu haji. Jemputlah daku, ya Allah. Berikanlah kecukupan wang ringgit. Berikanlah tubuh badan yang sihat. Berikanlah kelapangan masa. Berikanlah keringanan hati untuk menghadapmu, ya Allah" - pg 108

muhammad Danie says

pengembaraan seorang hamba yang baru ingin mencintai agamanya.
P/S: saya tak reti bagi ulasan, cuma saya nak kata, berbaloi membacanya. penulisan yang ringkas dan mudah difahami pada masa yang sama, terpampang kerendahan hati penulisnya

Saifulhaziq Noorman says

ok not bad..tp aku sukakan logik dan sbb kukuh dalam beragama..tp buku nie lebih kearah perasaan dalam beragama...

Yusri Wahab says

Buku ini dicadangkan untuk sesiapa yang masih mencari cari haluan hidup beragama. Pengalaman yang ditulis dari hati yang ikhlas oleh Prof bermula dari zaman jahil beliau yang langsung tidak tahu membaca Al Quran akhirnya dengan izin Allah beliau benar benar berubah.

Allah telah memberi hidayah kepada beliau yang akhirnya dapat khatam Al Quran di Mekah semasa menunaikan haji.

Buku ini sangat memberi motivasi agama kepada saya. Alhamdulillah semoga Allah memberkati Profesor Kamil dan isterinya Kak Roza serta seisi keluarga.

Bukhari says

Berusahalah melengkapkan diri dengan ilmu, iman dan amal untuk menjadi insan yang paling baik di sisi Allah. Saat dan peluang sentiasa ada, cuma kadang-kadang kita yang mensia-siakannya dengan pelbagai alasan lain yang menjadi keutamaan.

Hasanah HM says

Wajib dijadikan salah satu manual untuk persediaan mengerjakan haji. Diri ini semakin bertambah semangat untuk menyiapkan diri untuk mengerjakan haji walaupun dari segi kewangan belum mencukupi. Keikhlasan pengarang menulis travelog ini benar-benar dapat dirasai, Alhamdulillah.
